

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sebelum kita tangguhkan pagi tadi, kita telah mula membincangkan mengenai dengan Usul yang telah diberi notis yang mana secara spesifiknya satu Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Maka, persidangan pada tengahari ini kita sambung semula perbincangan yang telah kita adakan dan mulakan itu dan saya masih lagi mempunyai senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk menyertai perbincangan ini. Saya sekarang memulakan perbincangan ini dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi ruang untuk kaola memberi ucapan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Dalam pada itu, kaola ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Mulia Dr. Dayang

Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas perlantikan sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati. Kaola berdiri di Dewan yang mulia ini juga ingin menyembahkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzadin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada 27 Februari 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagi menyembahkan dan menjunjung kasih yang setinggi-tinggi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzadin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Sesungguhnya titah baginda itu amat dinjunjung tinggi dan inti pati daripada titah baginda sangat padat dengan nasihat yang mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan keamanan, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara terutama sekali dengan menekankan terhadap sektor bukan minyak dan gas seperti sub-sektor pertanian sebagai salah satu usaha dalam meluruskan, mempelbagaikan dan mempertingkatkan ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin merakamkan penghargaan kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi berkepentingan seperti menjalankan *start-up capital* bagi para belia dan lepasan graduan yang dapat memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan teknologi moden dalam industri tanaman. Semoga inisiatif-inisiatif seperti ini akan dapat menggalakkan lagi *participation* anak tempatan untuk bergiat aktif, menceburi diri dalam industri pertanian secara kolaboratif, inklusif dan inovatif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih yang sebanyak-banyak ditujukan kepada semua pegawai serta kakitangan Majlis

Mesyuarat Negara atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan.

Sebagai penutup, kaola turut berharap agar perbincangan dalam permesyuaratan pada musim ini berjalan dengan lancar dan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat dan Negara Brunei Darussalam. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Awal kalam kaola panjatkan rasa syukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat dan redhaNya jua segala nikmat keamanan dan kesejahteraan dapat terus dinikmati oleh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini. Terlebih dahulu kaola ucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola untuk turut serta memberikan sokongan terhadap Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan setinggi-tinggi sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya berkenan mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan dengan 27 Februari 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas pelantikan selaku Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi kelmarin, sangat padat dengan nasihat, teguran dan harapan seorang pemimpin yang bijaksana, berpandangan

jauh dan prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Baginda memberikan penekanan terhadap kepentingan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini serta peranan penglibatan dan pengetahuan Ahli-Ahlinya.

Selain itu, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara juga menjadi keutamaan dalam perhatian baginda. Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya dan menyokong penuh titah baginda khususnya mengenai Majlis Mesyuarat Negara. Menjadikan Dewan Yang Mulia ini sebagai platform perbincangan dan pertukaran pendapat mengenai perkara-perkara strategik yang bermanfaat kepada rakyat dan negara sudah setentunya akan memberikan impak positif terhadap apa jua agenda yang dibincangkan dan dengan ketulusan dan keterbukaan semua ahli untuk bekerjasama, Insyallah, dalam apa jua isu yang dibincangkan bak kata pepatah "yang berat akan dapat sama-sama dipikul dan yang ringan kita jinjing bersama."

Hasrat baginda agar Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa peka mengikuti perkembangan semasa di dalam dan luar negara untuk mempertingkatkan kemajuan sektor-sektor yang menjadi bidang fokus utama negara menunjukkan sikap keterbukaan baginda

supaya kita meninjau dan meneroka idea-idea baru yang lebih kreatif meskipun dari luar negara dan mengambil amalan-amalan terbaik ataupun *best practices* yang *effective* dan bersesuaian dengan konsep negara kita untuk diadaptasikan dalam sektor-sektor yang relevan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam titah baginda supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Kaola sukacita juga mengongsikan bahawa aktiviti ini telah abis kaola dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat laksanakan dari semasa ke semasa dalam kumpulan yang besar seperti permuzakarahan bersama Kementerian-Kementerian dan juga dalam kumpulan yang kecil ke agensi-agensi kerajaan serta swasta yang difokuskan mengikut keperluan dan agenda.

Kaola menjunjung tinggi usul baginda ini kerana impaknya berdasarkan pengalaman khususnya pada lawatan dalam kumpulan yang kecil ini ternyata lebih berkesan untuk mendapatkan maklumat terperinci dan menjalankan kerjasama yang lebih produktif. Ianya juga membukakan ruang untuk perbincangan yang lebih terbuka dan *effective* bagi meningkatkan keyakinan

masyarakat serta membantu rekabentuk dasar-dasar yang ada dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. InsyaAllah siri lawatan dalam kumpulan yang kecil ini akan terus diperluaskan lagi di masa yang akan datang.

Kaola juga menyembahkan sokongan dan menyambut baik usul Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melibatkan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam Jawatankuasa ataupun *taskforce* mengikut pengalaman dan pengetahuan di bidang masing-masing. InsyaAllah penglibatan ini akan memberikan peluang kepada abis kaola untuk menyumbang pandangan dan buah fikiran dalam memberikan manfaat kepada perkembangan ugama dan kepentingan bangsa dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pemerhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan terhadap perkembangan sektor perekonomian negara menunjukkan hasrat dan sokongan baginda agar usaha mempelbagaikan ekonomi terus dipertingkat dan diusahakan bagi memastikan negara tidak bergantung semata-mata kepada sektor minyak dan gas. Kepelbagaian ekonomi ini adalah aspirasi-aspirasi negara yang dihasratkan di dalam *Brunei Darussalam Economic Blueprint*. Dalam hal ini, kaola juga

menjunjung titah baginda untuk kita mengenalpasti kekuatan dan potensi negara dalam suatu industri strategik tertentu untuk diberikan tumpuan dan diunggakahkan dengan jayanya. Bagi kaola, inilah juga antara peranan terpenting dan tanggungjawab semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu untuk menilai dan memperbaiki strategi-strategi sedia ada dalam apa jua sektor perekonomian yang dilaksanakan bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti dengan alternatif dan strategi baru yang lebih baik.

ان شاء الله usaha ini mampu meningkatkan ekonomi dan memperkukuh pendapatan negara dari sektor-sektor lain selain dari minyak dan gas. Sesuai dengan agenda kerajaan untuk menggalakkan ekonomi hijau, baginda turut menekankan supaya isu-isu semasa seperti alam sekitar dan perubahan iklim diberikan perhatian sambil memberikan keutamaan kepada perkembangan industri hiliran minyak dan gas serta pengeluaran tenaga bahan api dan elektrik.

Dalam aspek pembangunan pula, penekanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berhubung dengan perbelanjaan kerajaan, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola bersyukur diatas rezeki اَللّٰهُ سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى jua Kerajaan Brunei masih dapat mengendalikan RKN-12 bagi memenuhi keperluan pembangunan

negara dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan terhadap penduduk dan rakyat. Kaola menjunjung dan menyokong penuh nasihat dan usul baginda agar setiap kerajaan menggunakan peruntukan dengan lebih berhemah dan harapan baginda supaya projek-projek RKN dipercepatkan mengikut garis masa yang ditentukan. Dalam hal ini, kaola percaya hasrat murni baginda itu termasuklah juga untuk memastikan projek-projek yang dirancang akan dinilai secara adil dan telus serta diserahkan kepada pihak yang benar-benar berkelayakan dan mahir dengan jaminan kualiti projek agar ia tidak merugikan kerajaan di masa akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, semoga nasihat dan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan supaya persidangan Dewan Yang Mulia ini dimanfaatkan sebagai *platform* perbincangan-perbincangan strategik secara terbuka dapat kita laksanakan bersama demi untuk merealisasikan objektif pembangunan dan kemajuan negara dengan izin اَللّٰهِ.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola pasti berpandukan nasihat baginda ini kita semua komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan tulus ikhlas untuk ugama, bangsa dan negara. Akhir kalam, marilah kita memohon doa ke hadrat سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Di-Raja dan

seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam ini dikurniakan petunjuk, rahmat dan redha **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** serta sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan kesejahteraan dibawah perlindunagn-Nya jua. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan pula Yang Berhomat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Chong Chin Yee: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang untuk kaola memberikan ucapan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita juga menyokong sepenuhnya usul dan kandungan ucapan Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukan Rasmi bagi Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, baginda mengingatkan supaya sentiasa bertanggungjawab dalam menjayakan matlamat negara dan kepentingan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dengan kebijaksanaan dalam titah baginda, koala selaku Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara akan sedaya upaya mentitik beratkan kepentingan dalam mengikuti perkembangan yang berlaku serta isu semasa sama ada di dalam mahupun di peringkat *global*. Secara komprehensif, hal ini akan membantu dalam mencadangkan segala isu serta memberi penyelesaian yang bermaklumat dan holistik.

Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Ke-20 ini, kaola ingin menekankan akan kepentingan ekonomi digital. Ini adalah penting kerana menurut Setiausaha Agung ASEAN menjelang tahun 2030 ASEAN akan menjadi ekonomi ke-4 terbesar di dunia. Dengan ekonomi digitalnya di jangka berkembang kira-kira USD\$300 *billion* kepada USD\$1 *trillion*.

Digital *Masterplan* 2025 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Info-Komunikasi menggambarkan bahawa ekonomi digital adalah pemaju penting dalam mengubah Negara Brunei Darussalam menjadi negara pintar dengan sokongan kerajaan digital, ekonomi digital dan masyarakat digital. Tambahan lagi, Pelan Tindakan Ekonomi Negara Brunei Darussalam juga bertujuan untuk mencapai pembangunan ekonomi yang mampan dalam mana Kerajaan telah merancang untuk mengembangkan sektor bukan minyak dan gas melalui penerokaan aktiviti ekonomi baharu dan pendekatan lima sektor utama seperti *information and communication technology* iaitu *ICT*.

Di samping itu, pandemik *COVID-19* memang tidak dapat dinafikan telah membentuk semula landskap ekonomi dan sosial negara yang membawa kepada kemunculan perusahaan baharu dan perubahan corak dari aspek pengguna. Berkembangnya perniagaan dari rumah dari sektor makanan dan minuman telah mempamerkan daya tahan dan semangat inovatif komuniti dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Penyesuaian ini secara tidak langsung telah mendorong dalam mempertimbangkan bagaimana kita dapat mengintegrasikan perkembangan ekonomi ke dalam pelbagai strategi. Walaupun potensi pertumbuhan ekonomi digital Brunei adalah memberangsangkan, persoalan mengenai perkembangan magnitud dalam bersama meneliti kesan ekonomi

terhadap inisiatif transformasi digital serta memantau kemajuan ekonomi digital adalah penting untuk dititikberatkan melalui strategi nasional yang komprehensif.

Tambahan pula, dengan lonjakan penggunaan digital secara tidak langsung akan dapat meningkatkan ancaman siber yang tidak dapat dielakkan. Peningkatan ketara dalam kerugian dan penipuan global atau *scam* telah mendesak pihak berkepentingan untuk membuat strategi dalam menangani jenayah siber secara komprehensif. Di samping itu, cabaran ini juga secara tidak langsung akan dapat membuka peluang pekerjaan dalam sama-sama menangani isu jenayah siber di dalam dunia digital.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang dinyatakan laporan *ASEAN +3 Micro Economic Research Office*, kaola juga berharap pertumbuhan ekonomi Brunei akan berkembang dan akan meningkat pada tahun ini dan akan datang. Oleh demikian, kaola seterusnya menantikan pandangan berharga dari Ahli-Ahli Yang Berhormat dan tindak balas yang boleh diambil dari pihak-pihak kementerian-kementerian yang dihormati.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum kaola mengundurkan diri izinkan kaola mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas perlantikan sebagai

Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abd Momin.

Yang Berhormat Hajah Rosmawatty binti Haji Abd Momin:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Pertama sekali, kaola panjatkan rasa syukur kehadiran الله سبحانه وتعالى kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua membolehkan kita hadir di Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

اللَّهُ , terlebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk berucap di dalam Dewan Majlis Meyuarat Negara dan seterusnya memberi sokongan koala terhadap Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjungjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan keterusnya berkenaan mengurniaan titah di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 28 Februari 2024. Dikesempatan ini juga kaola ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas perlantikan sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menyokong penuh Usul inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang begitu jelas agar Ahli-Ahli Berhormat berbincang mengenai perkara-perkara - strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Kaola menjungjung titah baginda bahawa kepekaan untuk mengikuti perkembangan semasa yang berlaku

di dalam dan di luar negara adalah penting dalam usaha untuk menghasilkan pelbagai pandangan dan idea-idea inovatif yang dapat menyumbang kepada kemajuan dalam sektor-sektor yang relevan untuk mempertingkatkan perekonomian negara.

Kaola sekali lagi menjunjung hasrat murni baginda yang menitahkan secara khusus bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan. Kaola percaya aktiviti turun padang dan lawatan dalam kumpulan kecil sebagaimana yang abiskoala laksanakan bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari Kumpulan Cemerlang bersama dengan beberapa agensi ternyata lebih berkesan untuk memperolehi maklumat yang lebih terperinci dan menjalankan kerjasama yang lebih produktif di samping memberikan peluang untuk perbincangan yang telus dan efektif bagi meningkatkan lagi keyakinan masyarakat awam terhadap pihak kerajaan serta membantu reka dasar-dasar kerajaan baginda.

Ini dilaksanakan di samping permuzakarah yang biasa berjalan dalam kumpulan yang besar kementerian-kementerian. Kaola menyambut baik saranan baginda untuk melibatkan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam jawatankuasa atau *task force* mengikut pengalaman dan pengetahuan masing-masing. Kerjasama seperti ini akan menjalin hubungan baik

antara kedua-dua pihak dan memberikan impak positif pada agenda yang dibincangkan.

إِنْ شَاءَ اللهُ abiskoala bersedia menyumbangkan buah fikiran yang bermanfaat demi kemajuan dan kebaikan negara kita. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dari segi ekonomi baginda menekankan bahawa usaha untuk mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan namun harus dipertingkatkan bagi kaola ini termasuklah aspirasi yang dihasratkan dalam *Economic Blueprint yang* - diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Kaola juga menyokong penuh titah baginda agar kita tidak terlalu bergantung semata-mata kepada pengeluaran minyak dan gas.

Pada masa yang sama, baginda juga menekankan isu-isu seperti alam sekitar, perubahan iklim dan sebagainya untuk diberikan perhatian. Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini adalah sesuai dengan agenda kerajaan untuk menggalakkan ekonomi hijau. Dalam konteks ini, kaola berpendapat bahawa peranan yang amat penting bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah untuk memperluaskan dan memperbaiki startegi-strategi yang sedia ada serta mencadangkan *alternative* yang lebih baik dalam pelaksanaan dasar kerajaan baginda.

Ini bertujuan untuk mengukuhkan pendapatan dari sektor-sektor selain daripada minyak dan gas sambil memberikan keutamaan kepada pengeluaran tenaga dan bahan api seperti elektrik. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, kaola akan lebih bekerjasama dengan lebih erat bersama Jabatan Tenaga di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyusun rancangan serta menetapkan *indicate* prestasi, kunci bagi mendapatkan matlamat yang dihasratkan.

Mengenai dengan penekanan baginda berhubung dengan perbelanjaan kerajaan. Kalau bersyukur kerana kerajaan Brunei masih dapat mengendalikan RKN-12 dari segi belanjawan bagi keperluan pembangunan negara walaupun Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak terlibat secara langsung dalam perancangan awal projek-projek dalam RKN-12. Namun kaola berharap, dapat menyumbang dalam bantuan kemajuan dan perkembangan projek-projek berkenaan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, Dengan sedaya upaya melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ini dengan penuh ikhlas dan jujur. Semoga apa yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar persidangan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencabar objektif pembangunan dan kemajuan negara dapat dicapai dengan izin *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Juga melalui perbincangan-perbincangan yang dilaksanakan dengan fikiran yang

terbuka di dalam Dewan yang mulia ini nanti.

Marilah bersama kita memohon doa ke hadrat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat Di-Raja dan seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam ini dikurniakan petunjuk rahmat dan redha *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* serta sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan kesejahteraan di bawah perlindunganNya jua, Aamiin.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji

Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
لِحَمْدِ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* Salam Sejahtera. Terima Kasih kepada Yang Di-Pertua kerana memberi kesempatan kaola berdiri untuk memberikan ucapan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu sukacita kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah di atas pelantikan sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sukacita kaola mengambil kesempatan untuk menyatakan sokongan sepenuhnya atas Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Lalila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih setinggi-tinggi Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sukacita juga kaola mengambil kesempatan ini untuk turut menyembahkan penghargaan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kepada Majlis Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sulttan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah kurnia baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara kelmarin, pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu adalah sangat penting dan penuh bermakna. Baginda mempunyai pandangan jauh, sangat luas dan bijak untuk pembangunan dan kemajuan negara. Baginda benar-benar prihatin ke atas kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara kitani.

Mengenai titah Baginda berhubung kepekaan abiskaola untuk mengikuti perkembangan yang berlaku bukan sahaja di dalam negara malah juga di peringkat serantau dan antarabangsa adalah kaola sanjung tinggi. Kaola sangat bersetuju dengan nasihat dan saranan baginda. Kitani hendaklah keluar daripada kepumpung diri sendiri dan keluar daripada zon selesa. Dalam hubungan ini, terdapat pelbagai peluang dari kluster industri yang patut kita teliti dengan lebih mendalam terutamanya dalam sektor-sektor seperti industri farmaseutikal, halal, *islamic banking* dan takaful.

Menurut ramalan pasaran daripada pelbagai syarikat konsultasi perniagaan utama industri farmaseutikal halal dijangka mencapai nilai US\$105 bilion

pada tahun 2024 ini. Di samping itu nilai pasaran secara global akan melebihi US\$1 trilion. Dalam aset perkhidmatan *islamic banking* dan takaful pula, aset kewangan islam di peringkat global dijangka mencecah US\$4.94 trilion pada tahun 2025. Pasaran Asia Tenggara salah satu peneraju utama mewakili hampir satu per empat dari jumlah aset kewangan Islam global.

Dari segi pelancongan yang mana merupakan eksport yang tidak ketara *invisible export* untuk menarik lebih banyak pelancong ke negara ini adalah penting dilipatgandakan usaha untuk mempromosi kekuatan negara yang kita miliki seperti kestabilan kerajaan, suasana yang selamat dan aman. Kita seterusnya boleh juga menampakkan kelebihan di kalangan penduduk yang dapat menguasai bahasa Inggeris, Mandarin dan Arab. Ini boleh membuka peluang besar untuk menarik pelancong-pelancong seperti dari Timur Tengah, China dan negara berpendapatan tinggi yang lain yang menggunakan bahasa tersebut.

Di samping itu juga kita mempunyai kekayaan dari segi kecantikan alam semula jadi. Bumi negara kita terkenal dengan flora dan fauna, ini boleh dikomersialkan untuk meningkatkan jumlah pelancongan terutama sekali bagi pencinta alam. Dengan menembusi pasaran-pasaran ini dengan menggunakan label *Brunei Halal* diharap akan memberi sumbangan yang signifikan kepada pendapatan negara.

Oleh itu, adalah penting untuk menguatkan usaha dalam mengambil peluang-peluang ini. Kejayaan dalam semua bidang ini akan membuka peluang pekerjaan yang luas bagi rakyat dan penduduk tempatan dengan memperkuatkan promosi melalui faktor-faktor inikita dapat memperluaskan tapak pelancongan negara dan mengalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

Untuk mengakhiri ucapan kaola ini, kaola akan terus berusaha dengan sedaya upaya, dengan penuh dedikasi dan komitmen untuk menjalankan peranan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Semoga الله سبحانه وتعالى memberikan taufik hidayah dan hidayah dalam melaksanakan amanah ini dengan tujuan untuk agama, raja, bangsa dan negara.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostamam bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostamam bin Haji Zainal Abidin:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera.

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang kaola hormati. Salam dan selawat kepada junjungan Nabi Muhammad

S.A.W dan sahabat-sahabat yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Kaola bersyukur ke hadrat Allah S.A.W di atas rahmat dan segala nikmat yang dilimpahkan kepada kitani dan juga kepada Negara Brunei Darussalam dan kita dapat berkumpul dalam keadaan yang aman damai dan mengaminkan doa-doa semoga ini akan kekal selamanya آمين

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Behormat. Kaola menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Ke-20.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Mu'izzaddin

dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam penuh hikmah dan nasihat serta menggariskan arah tuju menunjukkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas rakyat baginda dan kitani bersyukur ke atas pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, إِنَّ شَاءَ اللهُ. kaola akan tanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menggunakan Majlis Mesyuarat Negara sebagai medan dan kaola akan berhimah dan berpandangan strategik sambil mengikuti perkembangan semasa dalam *socioeconomy* serantau dan global apabila membangkitkan isu-isu rakyat dengan kementerian-kementerian yang berkaitan apabila membincangkan perbelanjaan-perbelanjaan kementerian tersebut, kaola akan mempraktikkan pengalaman kaola dalam industri dan *corporate governance* dalam memberi pandangan yang mungkin berbeza tetapi

tidak bertentangan dengan ideologi dan hala tuju negara.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kaola akan menanai dan mengambil iktibar dari titah Kebawah Duli serta berusaha untuk meningkatkan lagi turun padang bermuzakarah dengan agensi-agensi kerajaan, komuniti dan pihak-pihak berkepentingan serta memastikan bahawa isu-isu yang dibangkitkan mendapat respon, jelas dan padu terhadapnya untuk diketahui umum dan orang ramai.

Sebagai contoh, menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan dewan sebagai medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran.

Dalam persidangan tahun lepas di Dewan yang mulia ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dilantik telah memberikan lebih daripada 500 pandangan, Usul, cadangan dan permohonan untuk diberi pencerahan dengan isu-isu kenegaraan yang telah dibangkitkan oleh rakyat dengan tujuan untuk membantu melicinkan jentera kerajaan. Ankar ini tidak termasuk isu-isu yang dibangkitkan semasa sesi muzakarah dan lawatan kerja-kerja agensi-agensi kerajaan ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli bahawa Ahli Majlis Mesyuarat Negara merupakan medan yang penting

dalam membincangkan perkara strategik yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ beberapa kementerian memberi jawapan secara langsung semasa persidangan yang lalu, manakala yang ada yang lain mengikut proses membuat susulan bertulis dalam tempoh tiga ke enam bulan selepas persidangan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa kementerian yang belum memberi jawapan Kementerian-kementerian tersebut mungkin lepas pandang akan isu yang dibangkitkan di dalam dewan disebabkan oleh kesibukan menandatangani isu dalaman kementerian.

Kaola mengharapkan untuk ketulusan yakni transperasi menangani isu rakyat dan kementerian akan memberi perhatian serius atas isu yang dibangkitkan sedar bahawa tindakan memberi atau tidak memberi jawapan yang telus kepada pertanyaan-pertanyaan isu yang diajukan oleh ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai impak yang besar terhadap kepercayaan rakyat terhadap pemedulian pegawai pekerjaan ke atas isu-isu yang ditimbulkan oleh rakyat dalam dewan ini. Setengah soalan yang belum dijawab akan terus menjadi isu dan akan disusuli dalam dewan ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Dalam tujuan merapatkan jurang komunikasi diantara rakyat dan kerajaan serta untuk memastikan bahawa setiap pendapat dan pertanyaan yang diajukan

oleh masyarakat melalui ahli-ahli Yang Berhormat dapat diberi perhatian sepenuhnya adalah penting bagi Kementerian-kementerian untuk menjadikan respon yang tepat dan menyeluruh.

Justeru itu, kaola mencadangkan agar kesemua pertanyaan, cadangan yang diajukan didalam dewan yang berupa isu atau rintihan rakyat melalui wakil wakil yang dilantik didalam dewan ini dapat dipaparkan di laman web rasmi kementerian yang berkaitan yang diajukan soalan soalan itu. Ini akan memberi landasan bagi menunjukkan bagaimana agensi kerajaan menerima cadangan dan memberi maklum balas dengan segera dan disertakan dengan pelan tindakan supaya rakyat mengetahui soalan dan aduan mereka telah diberi perhatian sewajarnya. Ini akan memberi kepercayaan bahawa kerajaan prihatin dan mendengar isu-isu rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, merujuk dengan titah kebawah duli tentang rancangan kemajuan negara RKN-11 dan RKN-12. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan rahmat dan rezeki daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan Titah Perkenan Kebawah Duli yang maha mulia negara kita masih mempunyai kemampuan untuk menyelenggarakan projek-projek pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2035.

Adalah penting kita menyiapkan projek-projek dalam arkib ini tepat pada masanya mengikut jadual spesifikasi dan

dalam budget yang ditetapkan. Justru itu adalah kritikal untuk menggunakan konsep projek *'delivery boat'* yang dilembaga projek di mana pelaksanaan projek kerajaan diberi tumpuan dan pemantauan dan memberi bantuan yang sewajar pada agensi-agensi yang bertanggungjawab dan memastikan projek-projek itu berjalan dengan lancar.

Ini kerana manfaat projek yang sudah siap dilaksanakan bukan sahaja untuk rakyat menikmati prasarana yang telah siap tetapi juga kepada warga kontraktor tempatan yang bergantung sepenuhnya kepada projek-projek pembangunan kerajaan. Walaupun ahli-ahli Yang Berhormat tidak berkesempatan untuk menunduki projek-projek yang disenaraikan dalam RKN 12 kaola berkepercayaan penuh walhal kepentingan rakyat di peringkat daerah dan luar bandar telahpun diambil kira dan plan-plan Tindakan *Unit Projek Eqsiquation Plan* untuk mencapai matlamat projek ini sudah dikenal pasti sebagai realistik dan achievabal.

Pemantauan aktif perlu dijalankan supaya projek kerajaan dalam RKN berjalan lancar dan dikenal pasti sebarang isu yang mungkin menimbulkan kelewatan dalam projek dan langkah-langkah sewajarnya perlu diambil lebih awal untuk memberi bantuan untuk menyelesaikan masalah tersebut tanpa menjejaskan Jadual Projek. Walaupun Ahli Yang Berhormat yang dilantik tidak berkesempatan membuat input dalam RKN-12 **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** terkedohong RKN-12 meliputi musim

perlantikan kaola dalam Majlis Mesyuarat Negara ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** fokus RKN-12 akan mendapat perhatian kaola setiap tahun ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Kaola juga dipahamkan ada beberapa projek pembangunan terdahulu tidak mendapat konsulten atau menyebabkan komuniti setempat menyebabkan beberapa projek yang telah selesai kurang optimal dan kemajuan daripada projek kemajuan dapat dirasakan.

Oleh itu, cadangan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar projek-projek pembangunan dalam RKN ini dipercepatkan mengikut garis panduan dan garis masa yang telah ditetapkan dan ini adalah amat-amat disanjung.

Mengenai dengan inisiatif-inisiatif kerajaan melalui pelbagai bolpen-bolpen yang diilhamkan adalah sangat penting untuk semua bolpen disejajarkan dan diintegrasikan bersama agar perancangan sumber-sumber yang diperlukan seperti tenaga kerja, dana, KPI, jadual pencapaian (ma'sum) supaya pelan tindakan akan lebih optimal dan dapat peningkatan kualiti akan dapat menyumbang meningkatkan kualiti perkhidmatan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dalam majlis dewan ini dengan sesi muzakarah kaola akan memikul amanah dan tanggungjawab ini dengan sepenuh kemampuan kaola dengan menerapkan prinsip smart dan imbang (*cek and balance*) serta memberi fikiran, saranan, cadangan, idea, pandangan demi agama, raja, bangsa dan negara mungkin pandangan berbeza ini *"automotive*

view" tetapi hamba berharap tidak bertentangan.

Sekian sahaja dahulu daripada kaola jika ada tindak langkah Kaola yang kurang manis dan kesilapan serta kekurangan sepanjang permesyuaratan ini nanti. Terlebih dahulu kaola memohon ampun dan maaf jua yang baik semuanya datang daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan yang buruk dan yang kurang itu dan daripada kekurangan kaola sendiri.

Terima kasih. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran Bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua **الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bersyukur kita terhadap **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan izinnya jua kita dapat hadir di dewan yang mulia ini dan kaola merakamkan ribuan terima kasih atas kesempatan yang diberikan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menyokong sepenuhnya akan Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyebarkan Ucapan Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia perkenan berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024, hari Selasa kelmarin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menjunjung tinggi keseluruhan kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 1445/2024, khususnya titah yang menyarankan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan bagi meningkatkan keyakinan masyarakat.

Dalam hal tersebut, menyentuh dalam perkara turun padang ini, **الْحَمْدُ لِلَّهِ**, kaola selaku Penghulu sentiasa mengadakan perundingan dan permuzakarah bersama dengan ketua-ketua kampung di mukim kaola untuk mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu anak buah kampung yang perlu dikelinga. Hal ini akan kaola laksanakan secara berterusan agar segala isu-isu penduduk kampung dan mukim sentiasa dikelinga demi kebaikan bersama.

Mana-mana isu yang memerlukan tindakan pihak kerajaan, isu berkenaan

akan disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Selain perundingan di peringkat mukim, kaola juga mengadakan perundingan di peringkat zon bagi tujuan yang sama. Kaola juga menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai usaha meningkatkan perekonomian melalui pengusaha tempatan dan golongan-golongan tertentu serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Dalam hal ini, di mukim kaola, beberapa kampung telah berjaya melahirkan produk-produk di bawah Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan dipertingkatkan sehingga tahap yang lebih baik dan mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035. Di sini kaola juga mengharapkan agar pihak kerajaan sentiasa memberi kerjasama yang padu dalam menjayakan program-program yang dirancang oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Selain itu, kaola juga berharap agar pihak kerajaan sentiasa meneliti dasar-dasar yang tidak sejajar antara kementerian sehingga ianya menyulitkan urusan orang ramai disebabkan dasar-dasar yang tidak sehaluan itu. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Untuk mengakhiri ucapan kaola ini, kaola berdoa semoga sepanjang permesyuaratan ini mendapat rahmat dan keredhaan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang

Di-Pertua. **وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهَدَايَةِ. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong.

Yang Berhormat Awang Mohamad

Ali bin Tanjong: **بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ**

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي اَمْرِي وَاخْلُقْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَقْقَهُوا قَوْلِي Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat-Nya kerana kita dapat bersama-sama lagi bersidang dalam Dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berterima kasih atas peluang yang diberikan bagi kaola menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagi menyembahkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah

baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, kelmarin, Selasa 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dari pengamatan kaola, intipati titah baginda tersebut mencerminkan keprihatinan baginda tentang keberadaan negara sekarang demi menjamin kesejahteraan rakyat setiap masa. Isu dan saranan dalam titah baginda tersebut seharusnya diambil perhatian sepenuhnya dan perlu pelaksanaan yang komprehensif dan bersejajir oleh semua pihak yang berkepentingan.

Antara titah baginda yang mana baginda mahukan Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak yang berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing. Dalam kalangan pemimpin akar umbi, perkara ini tidak asing lagi. Ia sangat penting dan harus dikekalkan dan dipertingkatkan untuk mengetahui hal ehwal masyarakat dan keberadaan penduduk kampung mereka seperti yang dilakukan pada masa ini.

Ke arah membantu kerajaan dalam mempertingkatkan sektor-sektor ekonomi, kegiatan-kegiatan ekonomi terutama dalam kegiatan pertanian yang diusahakan oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung merangkumi warga emas dan juga belia yang

menggunakan *platform* yang ada iaitu Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P), boleh membangkitkan sosioekonomi kampung. Dalam jangka masa panjang, program ini bukan sahaja boleh menggantikan import tetapi juga boleh dikembangkan kepada pasaran eksport dan boleh membantu ekonomi negara.

Kaola yakin ekonomi kampung boleh diusahakan secara besar-besaran dengan adanya kerjasama dari pelbagai pihak yang berkepentingan. Akhir kata, kaola berdoa semoga apa jua perancangan dan usaha dalam permesyuaratan ini akan sentiasa dipermudahkan dan mendapat rahmat dan berkat daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan pula, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan: الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ** وَبَرَكَاتُهُ

Kaola bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** atas rahmat dan nikmat yang telah dilimpahkan kepada kaola kerana dapat sama-sama hadir dalam Dewan yang mulia ini. Kaola merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang

Di-Pertua kerana memberi peluang dan kesempatan kepada kaola untuk sama-sama membincangkan Usul Menjunjung Titah.

Kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Kaola sukacita sepenuhnya menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Bakti Di-Raja Dato Seri Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah yang telah baginda kurniakan.

Sesungguhnya, titah baginda itu amatlah kita junjung tinggi dan inti pati daripada titah baginda sangat padat dengan nasihat dan mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan keamanan, kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan titah baginda kaola ingin menyentuh beberapa isu.

1. Peranan dan tanggungjawab Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Dalam tempoh yang sudah berjalan melalui muzakarah dan tinjauan yang dibuat bersama penghulu dan ketua-ketua kampung-kampung atau pemimpin akar umbi, antara perkara yang telah kita lakukan adalah mengkaji semula projek-projek lama sama ada boleh diteruskan ataupun ditambah baik di sepanjang usaha membuat dan membawa perubahan-perubahan bermakna bagi menjana kemajuan mukim dan kampung khasnya dan juga daerah amnya. Dalam hal ini, kerjasama dan maklumbalas dari penghulu dan ketua-ketua kampung di bawah kelolaan dan tadahan akan secara berterusan dilaksanakan mengikut keutamaan.

Sewaktu tinjauan ke kawasan-kawasan kampung yang dibuat, tidak dinafikan keunikan tersendiri dan kadangkala tidak disedari oleh penduduk kampung sendiri.

Keunikan itu pula boleh memberi pendapatan kepada penduduk-penduduk kampung begitu juga dengan produk-produk itu sendiri.

2. Perkembangan kemahiran. Perkara ini terus diberi tumpuan ke arah menyumbangkan kepada kemahiran dan sikap peribadi yang dikehendaki di kalangan orang ramai khususnya bagi belia berkemahiran yang aktif dan produktif. Sukacita dikongsikan apabila tinjauan perkembangan di kampung-kampung secara lebih dekat, kita bangga dengan usaha yang dilakukan oleh para keluarga yang secara turun temurun seperti bisnes makanan dan minuman, otomotif, perkhidmatan dan sebagainya. Kita juga sangat gembira bila melihat tidak sedikit dari kalangan usahawan ini adalah dilakukan oleh golongan belia sebagai generasi penerus, pemacu pembangunan sosial ekonomi.

Dari sinilah suntikan semangat yang perlu kita sokong untuk mengembang majukan usaha-usaha mereka ini dari sudut bantuan program dan melibatkan pihak kerajaan dan swasta ke arah perniagaan secara lebih teratur dan serius dengan program dan pemantauan. Selain itu, bantuan infrastruktur juga akan membantu meningkatkan pendapatan mereka sekali gus memberikan kemudahan dan persekitaran yang lebih selamat. Dengan itu, kita percaya akan dapat

membuka peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan sendiri.

Dari segi perekonomian, dengan mengamati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya kita tidak terlalu bergantung semata-mata kepada sektor minyak dan gas. Perekonomian dari segi sektor pertanian, makanan, pengangkutan dan pelancongan perlu diteroka dari potensi sesebuah kampung itu.

Dalam hal ini, pada pendapat kaola, kita perlu libat urus dengan penduduk kampung bagi merancang projek-projek khususnya melibatkan pelaksanaan. Contohnya projek untuk tanah-tanah mereka yang terbiar akan dicadangkan untuk bertanam atau membuah hasil seperti tanaman cili atau pun serai. Selain daripada projek penternakan ikan dalam sangkar dan pembangunan sumber pelancongan, semua ini akan memberi kemahiran dan pendapatan kepada mereka sendiri sekali gus agenda ini akan memberi impak positif kepada pembangunan untuk terus berkembang.

Penduduk-penduduk kampung bersama-sama bertanggungjawab merancang dan mencapai kata sepakat terhadap projek-projek

yang memberi peluang kepada penduduk-penduduk kampung-kampung itu sendiri. Dalam hal ini, tidak salah pada pandangan kaola, bagi ketua-ketua kampung-kampung menggunakan segala kepakaran dan pengalaman penduduk-penduduk dalam menentukan apakah bentuk pembangunan dalam jangka pendek iaitu di antara tiga ke lima tahun yang mereka perlukan.

Kaola amat berharap melalui pendekatan ini akan dapat melahirkan masyarakat kampung yang lebih berdikari dan bergotong-royong, mempunyai hak dalam membuat keputusan dan menyuarakan pandangan, memupuk jalinan kerjasama dan menyuarakan pandangan. Malah, penduduk kampung-kampung itu sendiri akan dapat sama-sama aktif melibatkan diri dalam merancang dan merealisasikan pembangunan yang mereka perlukan selain penduduk merasai kehendak dan pandangan mereka dihargai, dan dengan pelan tindakan ini akan juga membantu melonjakkan pembangunan di sesebuah kampung.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja yang kaola dapat sampaikan bagi menandai dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam Dewan yang mulia ini.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَلْحَمْدُ لِلَّهِ atas rahmat-Nya jua kaola mendapat peluang untuk menyampaikan sembah menjunjung kasih di dalam Dewan ini. Kaola terlebih dahulu dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan bercemar duli dan pengurniaan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah baginda terutama titah yang menyarankan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan bagi meningkatkan keyakinan masyarakat.

Dalam hal sentiasa turun padang ini, kaola Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan selaku ketua kampung menyambut baik titah baginda. Kaola dengan sedaya upaya akan terus meningkatkan usaha untuk menanai amanah ini dengan bekerjasama bersama-sama pihak-pihak yang berkepentingan dari sektor kerajaan dan swasta dalam memeduli apa jua permasalahan yang ada khususnya bagi penduduk di bawah tadahan tanggungjawab kaola.

Akhir sekali, kaola / saya ingin menyembahkan sekali lagi menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang suka untuk membahaskan Usul yang telah dikemukakan ini.

Usul yang dicadangkan pada pagi tadi oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkenan berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Maka dengan demikian itu, saya berpendapat ada baiknya sekarang atau pun kita sampai ke penghujung perbincangan mengenai dengan Usul ini maka ada baiknya Usul ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Nampaknya semua Ahli-Ahli bersetuju maka Usul ini diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita berpindah kepada perkara lain, oleh sebab kita setelah sehari suntuk membincangkan mengenai dengan Usul yang dikemukakan tadi sejak pagi lagi dan kita telah mendengar banyak ucapan-ucapan maka saya kira ada baiknya kita berehat dulu dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada esok hari dengan minda yang lebih terbuka kita akan dapat berbincang dengan lebih panjang lebar lagi dan akan mendengarkan satu perkara daripada kementerian yang berkenaan yang mana akan memerlukan kita menumpukan perhatian dan pemikiran kita juga.

Dengan itu, saya tutup dulu mesyuarat hari ini dan ditangguhkan sehingga kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 29 Februari 2024 bersamaan 18 Syaaban 1445 mulai daripada jam 9.30 pagi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

